



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru,
Peti Surat No. 15311, 88863 KOTA KINABALU.
Tel.: 088-235266/235267 Faks: 088-241266

Rujukan: PCS/PS/100-0/002 klt.10 (52)

Tarikh : 19 September 2011

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri/Persekutuan
Semua Pengerusi Jawatankuasa Kecil PUSPANITA Cawangan Sabah

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

Yang Berbahagia Puan Sri/Datuk/Datin/Tuan/Puan

HARI KELUARGA PUSPANITA CAWANGAN SABAH 2011

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa PUSPANITA Cawangan Sabah akan mengadakan acara Hari Keluarga seperti ketetapan berikut:-

1.1 Perasmian Hari Keluarga dan acara-acara lain

Tarikh : 15 Oktober 2011 (Sabtu)
Masa : 7.00 pagi hingga 2.00 petang
Tempat : Perkarangan, Wisma PUSPANITA
Jalan Murai, Tanjung Aru

1.2 Perlawanan Tenpin Boling

Tarikh : 15 Oktober 2011 (Sabtu)
Masa : 1.00 petang
Tempat : CPS Bowl, Tingkat 8, Centre Point Sabah
Kota Kinabalu

2. Sehubungan dengan itu, ahli-ahli PUSPANITA di Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun dijemput hadir bersama keluarga untuk sama-sama memeriahkan lagi acara pada hari tersebut.

.../2

Ruj : PCS/PS/100-0/002 klt.10 (52)

Tarikh : 19 September 2011

3. Bersama-sama ini disertakan perkara-perkara berikut:-

- 3.1 Atur Cara Perasmian (Lampiran A);
- 3.2 Borang Pengesahan Kehadiran (Lampiran B);
- 3.3 Borang Penyertaan Acara Sukaneka (Lampiran C);
- 3.4 Borang Penyertaan Acara Tenpin Boling (Lampiran D); dan
- 3.5 Borang Penyertaan Gerai (Lampiran E).

4. Borang pengesahan bagi perkara 3.2 hingga 3.5 di atas, hendaklah **dikembalikan sebelum atau pada 05 Oktober 2011 (Rabu)** kepada:-

		<u>Tel</u>	<u>Faks</u>
4.1	Urus Setia PUSPANITA	088-235266/ 088-235267	088-241266
4.2	<u>Acara Sukaneka</u> YBhg Datin Hjh Surianih Basri Puan Shelly Jimayol	016-8429901 016-8040791	
4.3	<u>Acara Tenpin Boling</u> Puan Winnie Jimis Puan Hajah Siti Hayun Padan	013-8108822 013-8916654	
4.4	<u>Gerai</u> Puan Fauziah Piut Puan Masnih binti Mandaya	019-8510505/ 088-294304 088-294301	

5. Sukacita sekiranya ahli-ahli yang telah mengesahkan kehadiran dapat menunaikan kewajipan mereka untuk hadir bagi memudahkan pihak penganjur.

Sekian dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'
'WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT'

Yang benar



(DATIN HAJAH HAIRANI BINTI HUSSAINI)

Pengerusi

PUSPANITA Cawangan Sabah

Ruj : PCS/PS/100-0/002 klt.10 (52)

Tarikh : September 2011

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
88817 KOTA KINABALU

s.k PCS/PS/100-17/005

Lampiran

DNZ/HHD/-



PUSPANITA

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
CAWANGAN SABAH

Wisma PUSPANITA, Jalan Murai, Tanjung Aru,
Peti Surat No. 15311, 88863 KOTA KINABALU.
Tel.: 088-235266/235267 Faks: 088-241266

Ruj: PCS/PS/100-0/002 klt.10 (53)

Tarikh: 19 September 2011

Semua Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah/Daerah Kecil

Senarai Edaran Seperti Di Lampiran

Puan

HARI KELUARGA PUSPANITA CAWANGAN SABAH 2011

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa PUSPANITA Cawangan Sabah akan mengadakan acara Hari Keluarga seperti ketetapan berikut:-

1.1 Perasmian Hari Keluarga dan acara-acara lain

Tarikh : 15 Oktober 2011 (Sabtu)
Masa : 7.00 pagi hingga 2.00 petang
Tempat : Perkarangan, Wisma PUSPANITA
Jalan Murai, Tanjung Aru

1.2 Perlawanan Tenpin Bowling

Tarikh : 15 Oktober 2011 (Sabtu)
Masa : 1.00 petang
Tempat : CPS Bowl, Tingkat 8, Centre Point Sabah
Kota Kinabalu

2. Sehubungan dengan itu, puan bersama empat (4) orang ahli PUSPANITA di Cawangan Daerah/Daerah Kecil dijemput hadir memeriahkan lagi acara pada hari tersebut.

3. Untuk makluman puan, segala perbelanjaan ke program ini adalah ditanggung oleh Cawangan Daerah/Daerah Kecil masing-masing.

.../2

ATUR CARA

HARI KELUARGA PUSPANITA CAWANGAN SABAH 2011

PADA 15 OKTOBER 2011 (SABTU)
WISMA PUSPANITA, JALAN MURAI, TANJUNG ARU

MASA	ACARA
6.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Ketibaan Ahli Jawatankuasa Penganjur - Ketibaan Ahli-Ahli PUSPANITA dan Keluarga / Pendaftaran Peserta
7.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Ketibaan Dif-Dif Jemputan
7.40 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Ketibaan Yang Berhormat Datuk Haji Sukarti bin Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah dan Yang Berbahagia Datin Hajah Hairani binti Hussaini, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Sabah - Sarapan pagi di Tingkat 1, Bangunan Urus Setia
8.10 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Acara senamrobik 1-Malaysia di Perkarangan Wisma PUSPANITA
8.40 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Pelaksana, Puan Hajah Emily Toyong - Ucapan perasmian Hari Keluarga PUSPANITA Cawangan Sabah oleh Yang Berhormat Datuk Haji Sukarti bin Wakiman, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Sabah - Gimik Pelancaran - Penyampaian cenderamenu kepada Yang Berhormat Datuk Haji Sukarti bin Wakiman - Lawatan ke gerai-gerai jualan - Acara sukaneka bermula - Beredar ke dalam dewan untuk jamuan - Penyampaian hadiah kepada para pemenang
11.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Melepaskan peserta pertandingan Tenpin Boling ke Centre Point Sabah
2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> - Majlis dijangka selesai

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN
(Tarikh Tutup Pengesahan pada 05 Oktober 2011)

Tarikh :

Pengerusi,
 Jawatankuasa Pelaksana Hari Keluarga 2011,
 PUSPANITA Cawangan Sabah,
 Wisma PUSPANITA,
 Jalan Murai, Tanjung Aru,
88863 KOTA KINABALU.

U.P. Urus Setia (Faks:088-241266)

Puan,

**PENGESAHAN KEHADIRAN AHLI-AHLI PUSPANITA DAN KELUARGA KE MAJLIS PERASMIAN
 HARI KELUARGA 2011 PADA 15 OKTOBER 2011**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa ahli-ahli yang akan hadir ke majlis tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	(A) Nama Ahli PUSPANITA	(B) Bilangan Ahli Keluarga yang turut hadir sama	(A+B) Jumlah
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
	Jumlah Keseluruhan		

(sila gunakan lampiran berasingan jika ruang tidak mencukupi)

Sekian, terima kasih.

_____)

Nama Kementerian/Jabatan/Badan-Badan Berkanun : _____

Jawatankuasa Kecil PUSPANITA Cawangan Sabah : _____

PUSPANITA Cawangan Daerah/Daerah Kecil : _____

--	--	--	--

**BORANG PENYERTAAN
SUKANEKA HARI KELUARGA PUSPANITA CAWANGAN SABAH 2011**

Nama Ahli :..... Nama Suami:

Nama Anak: i)..... (kanak-kanak berumur 7 - 12 tahun)

ii).....

Acara Keluarga

Acara Berpasangan

Acara Kanak-kanak

1. Membawa Gelang Getah dengan Straw

1. Tarian Patung

1. Bawa Bola Ping Pong

2. Pancing Botol

3. Mencari Harta Karun

Acara Penasihat & Pengerusi

Acara Wanita

Acara Lelaki

1. Menganyam Ketupat

1. Gelung Rotan

1. Makan Epal Tergantung

2. Pijak Belon Kawan

**** Hanya satu (1) pilihan bagi setiap Acara**

.....
Untuk Kegunaan Urus Setia Sahaja

--	--	--	--	--



CARA PERMAINAN ACARA SUKANEKA

1. **Menganyam Ketupat (Kategori Lelaki/Wanita)**

Peserta akan menganyam ketupat beberapa banyak selama lima (5) minit. Peserta yang menganyam ketupat dengan banyak dan kemas akan dikira pemenang.

2. **Makan Epal Tergantung (Kategori kanak-kanak)**

Peserta akan berlari ke arah epal yang tergantung dan memakan buah epal tersebut tanpa menggunakan tangan. Tangan peserta akan diikat. Peserta harus menghabiskan buah epal tersebut kemudian berlari semula ke garisan permulaan.

3. **Bawa Bola Ping Pong (Kategori kanak-kanak)**

Peserta akan berlari ke garisan penamat dengan membawa bola ping-pong dengan menggunakan sudu. Sudu tersebut hendaklah dibawa dengan menggunakan mulut. Sekiranya Bola Ping Pong jatuh, peserta hendaklah memulakan permainan di garisan permulaan

4. **Mencari Harta Karun (Kategori anak-kanak)**

Peserta akan berlari ke arah piring yang berisi tepung. Peserta akan meniup tepung, dan mengambil barang yang tersembunyi dan berlari ke garisan penamat.

5. **Tarian Patung (Kategori Berpasangan)**

Peserta akan menari bersama pasangan mengikut rentak lagu yang dimainkan. Apabila lagu tersebut dihentikan, semua peserta akan berhenti menari tanpa mengubah kedudukan asal. Peserta yang bergerak atau ketawa akan disingkirkan.

6. Membawa Gelang Getah dengan Straw (Kategori Keluarga)

Peserta lelaki akan membawa gelang getah menggunakan straw dan berlari ke tempat perempuan. Peserta lelaki hendaklah memindahkan gelang getah tersebut ke straw peserta perempuan dan peserta perempuan akan berlari ke garisan penamat.

7. Pancing Botol (Kategori kanak-kanak)

Peserta akan berlari ke arah botol yang telah disediakan dan memancing botol tersebut. Apabila telah mendapat botol, peserta akan berlari ke garisan penamat. Sekiranya botol tersebut jatuh, peserta hendaklah memulakan semula permainan.

8. Gelung Rotan (Kategori Wanita)

Peserta akan memaling gelung rotan untuk dimasukkan ke dalam kon pada jarak lima (5) meter sebanyak tiga (3) kali. Peserta yang dapat memasukkan gelung terbanyak ke dalam kon dikira sebagai pemenang.

9. Pijak Belon Kawan (Kategori Wanita)

Peserta akan diberikan belon dan diikat pada kaki kanan peserta. Peserta akan memijak bellon kawan. Peserta yang belonnya pecah akan terkeluar terlebih dahulu. Tiga (3) peserta yang terakhir belonnya pecah akan dianggap sebagai pemenang.

10. Sebarang pertanyaan sila kemukakan kepada:

- | | | |
|--------------------------------------|------|-------------------|
| 1. Y.Bhg. Datin Hajah Surianih Basri | H/P | 016-8429901 |
| 2. Puan Shelly Jimayol | H/P | 016-8040791 |
| 3. Urusetia PUSPANITA | Tel: | 088-235266/235267 |
| | Fax | 088-241266 |

11. Hak Jawatankuasa Pelaksana

Jawatankuasa Pelaksana berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam pertandingan ini yang tidak disebut dalam syarat-syarat pertandingan dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

LAMPIRAN D

KEJOHANAN BOLING TENPIN BERPASUKAN PUSPANITA CAWANGAN NEGERI SABAH 2011

BORANG PENYERTAAN

Pasukan Cawangan Negeri(JKK/Jabatan) :

Pengurus Pasukan :

Nama Kumpulan :

Senarai Pemain Yuran Penyertaan RM120 satu pasukan (3 orang ahli)

Bil	Nama Pemain	No. K/P (Baru)	Jab/ Agensi	No. Ahli	Catatan
1.					
2.					
3.					

Nota: Hanya 1 orang pemain Negeri/MAKSAK Sabah dibenarkan bagi setiap pasukan.

Sebarang pertanyaan sila berhubung terus dengan:

- 1) Puan Winnie Jimis Tel: 013-8108822
- 2) Puan Hjh Siti Hayun Padan Tel: 013-8916654



KEJOHANAN BOLING TENPIN BERPASUKAN SEMPENA HARI KELUARGA PUSPANITA SABAH 2011

1. **Nama Kejohanan**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Boling Tenpin Berpasukan Puspanita Sempena Hari Keluarga PUSPANITA Cawangan Sabah 2011

2. **Pengelola Kejohanan**

Kejohanan Boling Tenpin Berpasukan Puspanita 2011 ini dianjurkan oleh Puspanita Cawangan Sabah.

3. **Tarikh, Masa dan Tempat (tertakluk kepada perubahan)**

- 3.1 Tarikh : 15 Okt 2011 (Sabtu)
- 3.2 Masa : 1.00 petang
- 3.3 Tempat : CPS Bowl, Tkt.8, Centre Point Sabah, Kota Kinabalu

4. **Syarat-syarat Penyertaan**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua ahli Puspanita Cawangan Negeri.
- 4.2 Setiap Jawatankuasa Kecil diwajibkan menghantar sekurang-kurangnya satu (1) pasukan.
- 4.3 Setiap peserta hanya dibenarkan untuk mendaftar dalam satu pasukan sahaja.
- 4.4 Setiap pasukan hendaklah mendaftar pemain dengan mengisi Borang
- 4.5 Penyertaan yang disediakan dan di hantar kepada Urusetia Pertandingan 2011:

- 1. Puan Winnie Jimis H/P 013-8108822
- 2. Puan Hjh Siti Hayun Padan H/P 013-8916654
Tel 088-326300
Fax 088-326484

5. Yuran Penyertaan

- 5.1 Setiap pasukan dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM120.00** dan tidak akan dikembalikan
- 5.2 Borang dan Yuran penyertaan hendaklah diserahkan pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan. Bayaran tunai (cek peribadi tidak akan dilayan) hendaklah diserahkan kepada Bendahari Kejohanan ataupun dibayar kepada **akaun “PUSPANITA Negeri Sabah” No Akaun: 101960010057447 Alliance Bank Malaysia Berhad, Sinsuran, Kota Kinabalu. Bank Slip hendaklah difaks ke Urusetia PUSPANITA No. 088-241266.**

6. Tarikh Tutup Penyertaan

Borang penyertaan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **5 Oktober, 2011 (Rabu).**

7. Format pertandingan

- 7.1 **Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar 3 orang ahli sahaja. Hanya seorang yang pernah mewakili Negeri/ MAKSAK Sabah dibenarkan bermain dalam setiap pasukan.**
- 7.2 **Setiap peserta akan bermain sebanyak 4 permainan(games) dalam kejohanan ini.**

8. Kiraan Mata

- 8.1 Kemenangan akan dikira mengikut jumlah jatuhan pin yang tertinggi untuk keempat-empat permainan bagi setiap pasukan.
- 8.2 **Sekiranya terdapat jumlah jatuhan pin yang sama, jumlah jatuhan pin pasukan yang tertinggi dan terendah akan diambilkira. Pasukan yang memperolehi perbezaan yang terkecil akan dikira sebagai pemenang.**
- 8.3 **Sekiranya masih lagi sama, maka pasukan yang mencatat jatuhan pin permainan tertinggi akan dikira sebagai pemenang.**
- 8.4 **Ahli pasukan yang tidak hadir bermain akan diberikan jatuhan pin (blind score) sebanyak 80 sahaja bagi setiap permainan.**

9. Hadiah-hadiah

Hadiah adalah dalam bentuk wang tunai dan akan diberikan kepada pemenang acara berpasukan sahaja (**tempat pertama hingga kesepuluh**).

10. Pendaftaran

- 10.1 Pendaftaran peserta akan dibuat di Wisma PUSPANITA. Tg. Aru. Semua peserta dikehendaki melapor diri pada jam 7.00 pagi.
- 10.2 Kenderaan akan disediakan dari Wisma PUSPANITA Ke CPS Bowl dan balik ke Wisma PUSPANITA.

10.3 Peserta digalakkan memakai kemeja T berwarna ungu atau merah jambu.

11. **Hak Jawatankuasa Pertandingan**

11.1 Jawatankuasa kejohanan berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam pertandingan ini yang tidak disebut dalam syarat-syarat pertandingan dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

**BORANG PENYERTAAN PASARIA
HARI KELUARGA PUSPANITA
PADA 15 OKTOBER 2011**

1. NAMA PEMOHON: _____
2. NO. KAD PENGENALAN: _____
3. ALAMAT: _____
4. NO. TEL. HP/FAKS: _____
5. JENIS JUALAN: _____

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. PIHAK PENGANJUR AKAN MENYEDIAKAN MEJA/GERAI JUALAN DAN KERUSI
2. PIHAK PENGANJUR MENCETAK KUPON YANG BERNILAI RM1.00 DAN RM5.00 DAN SATU BUKU BERHARGA RM10.00
3. SEMUA PEMBELIAN HENDAKLAH MENGGUNAKAN KUPON YANG MANA AKAN DITUKARGANTI KEPADA RINGGIT MALAYSIA MENGIKUT NILAI SELEPAS PASAR RIA SELESAI
4. PENGANJUR MENGENAKAN BAYARAN RM50.00 UNTUK SATU MEJA/GERAI JUALAN
5. PESERTA TIDAK DIBENARKAN MENARIK DIRI PADA SAAT-SAAT AKHIR DAN BAYARAN MEJA JUALAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN SEKIRANYA TERJADI
6. BORANG PENYERTAAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN KEPADA URUSETIA PUSPANITA PADA ATAU SEBELUM 05 OKTOBER 2011
7. SEMUA JAWATANKUASA KECIL PUSPANITA CAWANGAN SABAH DIMINTA UNTUK MENYERTAI PASARIA
8. SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA KECIL PUSPANITA CAWANGAN SABAH DIMINTA MEMBANTU PENJUALAN KUPON KEPADA AJK MASING-MASING

9. SEBARANG PERTANYAAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA URUSETIA PUSPANITA NO. TEL: 088-235266/235267 ATAU PUAN FAUZIAH PIUT NO. TEL: 019-8510505/088-294304 (O) ATAU PUAN MASNIH MANDAYA 088-294301(O).

NAMA PENERIMA: _____

TANDATANGAN PENERIMA: _____

TARIKH DITERIMA: _____